



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PERSEDIAAN DAN IJAZAH
PERTAMA DI BAWAH PROGRAM PENAJAAN NASIONAL (PPN)
TAHUN 2022**

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021 bagi kali pertama untuk mendapatkan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Program Penajaan Nasional (PPN) tahun 2022.

Program Penajaan Nasional (PPN) merupakan penajaan kepada pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka dunia. Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan bagi mengikuti pengajian peringkat Persediaan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang pilihan di **10 universiti terbaik dunia di Amerika Syarikat (USA)** dan **10 universiti terbaik dunia di United Kingdom (UK)** seperti yang disenaraikan dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings*, *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*, dan *I* atau *Academic Ranking of World Universities (ARWU)* berdasarkan kedudukan universiti atau bidang pengajian.

2. PERINGKAT PENGAJIAN

Pelajar-pelajar yang ditawarkan penajaan di bawah program ini akan mengikuti kursus persediaan iaitu Program A-Level di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) selama 24 bulan.

Penajaan akan dipertimbangkan kepada pelajar yang mendapat tempat pengajian di peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan institusi yang ditetapkan sahaja. Ringkasan penajaan mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

KURSUS PERSEDIAAN	IJAZAH PERTAMA
Pelajar-pelajar akan mengikuti kursus persediaan di Kolej Yayasan UEM (KYUEM).	Pelajar-pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di 10 universiti terbaik dunia di USA dan 10 universiti terbaik dunia di UK seperti yang disenaraikan dalam <i>THE World University Rankings</i> , <i>QS World University Rankings</i> , dan / atau <i>ARWU</i> berdasarkan kedudukan universiti dan bidang pengajian. Senarai bidang dan universiti adalah seperti di LAMPIRAN 1 .
Nota penting: <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="288 1608 1444 1758">i. Had Kecemerlangan Akademik (HKA) yang ditetapkan bagi peringkat persediaan adalah 14 mata A-Level bagi 3 subjek yang diambil, tanpa Gred C.<li data-bbox="288 1832 1444 1982">ii. Sekiranya pelajar menamatkan kursus persediaan dan melepasi HKA yang ditetapkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama namun tidak mendapat tempat di universiti terbaik dunia seperti yang	

KURSUS PERSEDIAAN	IJAZAH PERTAMA
<p>disenaraikan di LAMPIRAN 1, pelajar akan ditamatkan dari program PPN dan boleh diserap masuk ke program dalam negara.</p> <p>iii. Pelajar yang tidak melepasi HKA untuk melanjutkan pengajian ke luar negara namun memenuhi HKA penyerapan yang ditetapkan boleh ditaja untuk mengikuti pengajian di universiti di dalam negara, tertakluk kepada pelajar mendapat tempat pengajian di institusi pengajian dalam negara yang ditetapkan Kerajaan.</p> <p>iv. Sekiranya pelajar yang ditaja tidak menamatkan kursus persediaan atau menamatkan kursus persediaan tetapi gagal melepasi HKA penyerapan yang ditetapkan, penajaan pelajar boleh ditamatkan.</p>	

3. BIDANG PENGAJIAN

Calon boleh memilih untuk menyambung pengajian dalam empat bidang pengajian yang ditetapkan, seperti berikut:

Bidang pengajian	
(i)	<p>Kejuruteraan dan Teknikal</p> <ul style="list-style-type: none"> - seperti <i>Aerospace Engineering, Civil and Structural Engineering, Security Engineering, Biomaterials Engineering</i>
(ii)	<p>Sains dan Teknologi</p>
(iii)	<p>Sains Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> - bidang yang dikenal pasti sahaja iaitu Sains Politik / Hubungan Antarabangsa, Kewangan / Perbankan, Perakaunan / Percukaian, Ekonomi, Psikologi
(iv)	<p>Industri Kreatif</p> <ul style="list-style-type: none"> - bidang yang dikenal pasti sahaja iaitu penerbitan filem/ TV, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital, seni visual, penulisan kreatif

- 3.1 Kursus-kursus yang diikuti di peringkat Ijazah Pertama hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan mendapat pengiktirafan penuh Badan-badan Profesional bagi kursus-kursus profesional.
- 3.2 Bidang pengajian yang **tidak ditaja** adalah perubatan, pergigian, farmasi, pendidikan, kejururawatan, kursus yang mewajibkan pelajar mengambil lesen seperti lesen penerbangan dan kursus profesional seperti ACCA dan *Certificate in Legal Practice* (CLP).

4. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

4.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- (v) Menduduki peperiksaan **SPM 2021 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk sekolah khas, sekolah swasta atau calon-calon persendirian; dan
- (vi) Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

4.2 Syarat Khusus

Memperoleh keputusan **sekurang-kurangnya 9A+ bagi mata pelajaran berikut:**

- (1) Bahasa Melayu;
- (2) Bahasa Inggeris;
- (3) Matematik;
- (4) Sejarah;
- (5) Matematik Tambahan;
- (6) Fizik;
- (7) Kimia;
- (8) Pendidikan Islam/ Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah/
Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Moral/ Usul Al-Din/ Al-Syariah/ Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah/ Turath Dirasat Al-Islamiah; dan
- (9) Satu (1) mata pelajaran lain;

DAN JIKA ADA

Memperoleh **minimum gred A- bagi semua mata pelajaran lain.**

5. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- (i) Pinjaman ditukar kepada biasiswa penuh dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;

- (ii) Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- (iii) Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- (iv) Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

6. CARA MEMOHON

Calon yang berminat perlu mengisi profiling secara dalam talian (online) di <http://esilav2.jpa.gov.my/> yang dibuka **khusus kepada senarai calon yang dipaparkan dalam laman web berkenaan sahaja.**

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini dan meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Program Penajaan Nasional Tahun 2022** sebagai bukti permohonan telah dibuat.

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian *call centre* iaitu **03-8885 3297** mulai **20 hingga 26 Jun 2022 (hari bekerja sahaja)** dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

Calon juga boleh mengemukakan pertanyaan menerusi e-mel lepasanspm2022@jpa.gov.my (e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

7. **STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)**

Program SAC dijadualkan pada **4 hingga 7 Julai 2022 mengikut zon pusat temuduga**. Calon yang melepasi syarat sahaja akan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA.

8. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **26 Jun 2022 (Ahad) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. **TARIKH-TARIKH PENTING**

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	20 Jun 2022 (Isnin)
Permohonan ditutup	26 Jun 2022 (Ahad)
Semakan Panggilan <i>Student Assessment Centre (SAC)</i>	1 Julai 2022 (Jumaat)
SAC	4 – 7 Julai 2022
Jangkaan Keputusan Penajaan	29 Julai 2022 (Jumaat)

10. **KEPUTUSAN PERMOHONAN**

Keputusan penajaan ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my/> pada **29 Julai 2022 (Jumaat)**. Sekiranya pelajar tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh keputusan, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

TAMAT

**SENARAI BIDANG DAN UNIVERSITI YANG DITAJA
PROGRAM PENAJAAN NASIONAL (PPN) TAHUN 2022**

BIDANG	BIL.	10 UNIVERSITI TERBAIK US DAN UK SECARA KESELURUHAN*	NEGARA
1. Kejuruteraan & Teknikal: seperti <i>Aerospace Engineering, Civil and Structural Engineering, Security Engineering, Biomaterials Engineering</i> 2. Sains & Teknologi 3. Sains Sosial: terhad kepada Sains Politik / Hubungan Antarabangsa, Kewangan / Perbankan, Perakaunan / Percukaian, Ekonomi, Psikologi 4. Industri Kreatif: terhad kepada penerbitan filem/ TV, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital, seni visual, penulisan kreatif.	1.	Stanford University	USA
	2.	Harvard University	USA
	3.	California Institute of Technology	USA
	4.	Massachusetts Institute of Technology	USA
	5.	University of California, Berkeley	USA
	6.	Yale University	USA
	7.	Princeton University	USA
	8.	University of Chicago	USA
	9.	Johns Hopkins University	USA
	10.	University of Pennsylvania	USA
	11.	Cornell University	USA
	12.	Columbia University	USA
	13.	University of Oxford	USA
	14.	University of Cambridge	UK
	15.	Imperial College London	UK
	16.	University College London	UK
	17.	London School of Economics and Political Science	UK
	18.	University of Edinburgh	UK
	19.	King's College London	UK
	20.	University of Manchester	UK
	21.	University of Warwick	UK
	22.	University of Bristol	UK
	23.	The University of Sheffield	UK
	24.	University of Birmingham	UK

Nota :

Senarai universiti juga dibuka kepada 10 universiti terbaik di US atau UK mengikut bidang berdasarkan THE, QS atau ARWU (panduan di muka surat 9 dan 10 iklan ini).

**Berdasarkan senarai ranking THE World University Rankings 2022, QS World University Rankings 2022 dan ARWU 2021. Senarai yang terpakai bagi pelajar adalah THE 2022/2023, QS 2022/2023 dan ARWU 2021/202.*

**PANDUAN BERKAITAN SENARAI UNIVERSITI BERDASARKAN KEDUDUKAN
UNIVERSITI KESELURUHAN DAN BIDANG PENGAJIAN**

1. Senarai universiti yang boleh dipilih pelajar adalah berdasarkan senarai kedudukan universiti secara keseluruhan atau berdasarkan kedudukan universiti dalam bidang pengajian yang telah ditetapkan Kerajaan bagi **tahun pertama atau kedua pengajian pelajar di peringkat persediaan** di bawah *Times Higher Education (THE) World University Rankings*, *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings* atau *Academic Ranking of World Universities (ARWU)* sahaja.
2. Bagi penentuan kedudukan universiti **mengikut bidang pengajian pilihan** sama ada berada dalam 10 universiti terbaik USA ataupun UK, senarai yang boleh dirujuk adalah **berdasarkan kluster bidang yang ditetapkan dalam THE, QS ataupun ARWU ataupun bidang pengajian yang disenaraikan di bawah (jika ada)**. Sehubungan dengan itu, berikut adalah panduan yang boleh diguna pakai dalam menentukan kedudukan universiti berdasarkan bidang pengajian pilihan pelajar:

BIDANG PENGAJIAN PPN 2022	KLUSTER BIDANG YANG DIRUJUK		
	THE	QS	ARWU
Kejuruteraan & Teknikal	<i>Engineering</i>	<i>Engineering & Technology</i>	<i>Engineering</i>
Sains & Teknologi	<i>Computer Science</i>	<i>Engineering & Technology</i>	<i>Engineering</i>
Sains Sosial *terhad kepada:			
a) Sains Politik / Hubungan Antarabangsa	<i>Social Sciences</i>	<i>Art & Humanities</i>	<i>Social Sciences</i>
b) Kewangan / Perbankan	<i>Business & Economics</i>	<i>Social Sciences & Management</i>	<i>Social Sciences</i>
c) Perakaunan / Percukaian	<i>Business & Economics</i>	<i>Social Sciences & Management</i>	<i>Social Sciences</i>

BIDANG PENGAJIAN PPN 2022	KLUSTER BIDANG YANG DIRUJUK		
	THE	QS	ARWU
d) Ekonomi	<i>Business & Economics</i>	<i>Social Sciences & Management</i>	<i>Social Sciences</i>
e) Psikologi	<i>Psychology</i>	<i>Life Sciences & Medicine</i>	<i>Social Sciences</i>
Industri Kreatif *terhad kepada: penerbitan filem/ TV, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital, seni visual, penulisan kreatif.	<i>Art & Humanities</i>	<i>Social Sciences & Management</i>	<i>Social Sciences</i>

Nota : Kedudukan 10 universiti terbaik di USA atau UK berasaskan bidang atau kluster bidang adalah terpakai bagi mana-mana tahun semasa pelajar menyambung pengajian peringkat persediaan di institusi yang telah ditetapkan.